

BAB V

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5. Pengenalan

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk pengalaman persaraan atlet elit Malaysia dari perspektif psikologi. Soal selidik dan jadual temubual persaraan atlet elit (EARISQ) yang diperkenalkan oleh Orlick (1986), telah digunakan untuk mengumpul data.

Objektif utama menggunakan alat kajian tersebut adalah untuk mendapatkan data-data yang tepat supaya dapat memahami secara lebih mendalam bentuk pengalaman hidup seseorang atlet elit setelah bersara. Maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk menilai dan memastikan sama ada perlu atau tidaknya satu program persediaan persaraan atlet elit di Malaysia.

Secara khusus, objektif kajian ialah untuk :

- i. mengenal pasti faktor-faktor yang telah mendorong atlet elit melibatkan diri dalam sukan
- ii. mengenal pasti faktor-faktor yang telah mendorong atlet elit bersara
- iii. mengetahui sebab-sebab utama atlet elit bersara lebih awal sebelum menonjolkan potensi diri yang sebenar.

- iv. mengenal pasti bentuk pengalaman hidup dari perspektif psikologi atlet elit semasa jadi atlet, selepas bersara sebagai atlet elit dan pada ketika sekarang (semasa ditemubual).
- v. mengenal pasti bentuk perasaan yang dialami oleh atlet elit semasa menjadi atlet elit, selepas sahaja bersara dan pada ketika ini (semasa ditemubual).
- vi. mengenal pasti tahap kesukaran hidup yang dihadapi oleh atlet elit yang telah bersara semasa menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa.
- vii. memperolehi dan memahami pendapat atlet elit yang telah bersara mengenai program persediaan persaraan atlet elit.

Saiz sampel yang dipilih untuk kajian ini adalah terdiri daripada 51 orang atlet elit dari seluruh negara termasuk negeri Sabah dan Serawak. Seramai 34 orang sampel adalah lelaki manakala 17 orang lagi sampel adalah perempuan.

Sampel yang dipilih secara rawak adalah merupakan atlet yang telah mewakili negara dalam beberapa sukan antarabangsa seperti Sukan Sea, Sukan Asia, Sukan Komenwel, Sukan Olimpik, Kejohanan Piala Dunia dan sebagainya.

Data ini dianalisa secara diskriptif dengan memberi peratusan serta kekerapan untuk menerangkan dengan bukti yang kukuh tentang pengalaman persaraan dikalangan atlet elit. Pada dasarnya, kajian ini menggunakan kaji selidik keratan rentas populasi bagi menentukan status sebenar pengalaman persaraan atlet elit Malaysia. Data kajian telah diperolehi daripada jawapan-jawapan yang diberikan oleh sampel kajian sendiri, melalui soal selidik dan temubual yang telah diadakan.

Soal selidik dan jadual temubual yang digunakan sebagai alatan kajian dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian 'A' mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang sampel kajian. Bahagian 'B' mengandungi item-item berkaitan dengan faktor-faktor pendorong penglibatan dalam sukan.

Bahagian 'C' meninjau faktor-faktor pendorong persaraan dan bahagian 'D' pula meninjau tentang pengalaman persaraan. Sub- komponen dalam Bahagian 'D' telah mendapatkan maklumat tentang tahap kesukaran hidup semasa bersara, semasa menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa, penglibatan diri dalam sukan pada ketika ditemubual dan bentuk penglibatan dalam sukan pada masa akan datang serta pendapat mereka tentang keperluan program persediaan persaraan atlet elit. Pakej statistik SPSS -7.5 telah digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan.

5.1 Perbincangan

Perbincangan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan latar belakang dan butiran peribadi sampel kajian.

Bahagian kedua pula membincangkan faktor-faktor yang telah mendorong sampel kajian melibatkan diri dalam sukan. Bahagian ketiga adalah perbincangan mengenai faktor-faktor yang telah mendorong sampel kajian bersara sebagai atlet elit dan Bahagian ke empat adalah perbincangan mengenai pengalaman hidup atlet setelah bersara sebagai atlet elit.

5.1.1 Latar Belakang Atlet Elit

Responden kajian terdiri daripada 51 orang atlet elit Malaysia yang telah mengambil bahagian dalam pelbagai kejohanan dan pertandingan antarabangsa seperti Sukan Sea, Sukan Asia, Sukan Komenwel, Sukan Olimpik, Piala Dunia dan sebagainya. Atlet yang dipilih secara rawak adalah terdiri daripada mereka yang telah bersara selepas tahun 1985 dan sehingga bulan Disember 1999.

Umur

Daripada jumlah responden kajian iaitu seramai 51 orang atlet elit yang telah bersara, 66.7% sampel ($n = 34$) adalah terdiri daripada atlet

lelaki manakala 33.3 % sampel pula ($n = 17$) adalah atlet perempuan. Sampel kajian yang dipilih mewakili 25 jenis sukan yang berlainan yang dipertandingkan di kejohanan-kejohanan antarabangsa.

Umur sampel kajian yang paling muda ketika mewakili negara adalah 11 tahun dan yang paling tua pula 38 tahun. Umur min sampel kajian ketika mewakili negara adalah 20.4 tahun ($SD = 4.39$). Menurut kajian ada responden kajian yang bersara ketika umurnya 15 tahun dan ada pula responden bersara ketika umurnya 45 tahun. Min umur yang tercatat adalah 26.7 tahun ($SD = 5.35$).

Walaupun bagaimanapun skor umur yang didapati tidak membawa sebarang erti kepada kajian ini kerana umur memang mempengaruhi penglibatan dan persaraan atlet elit. Umur yang sesuai untuk sesuatu acara sukan adalah berbeza-beza mengikut peraturan dan kehendak sesuatu acara sukan yang berkenaan. Ada sukan yang memerlukan saiz badan yang kecil seperti untuk acara gimnastik, terjun air dan sebagainya. Ada jenis sukan memerlukan atlet yang berbadan besar dari segi fizikal dan matang dari segi mental supaya mereka dapat menjalani latihan-latihan yang berintensiti tinggi serta mencabar.

Justeru itu jua, tahap persaraan berdasarkan umur juga sukar untuk dikenal pasti secara keseluruhan untuk semua jenis sukan. Ia nya juga berbeza-beza mengikut peraturan dan kehendak sukan yang berkenaan. Sebagai contohnya sukan seperti olahraga, kriket, bola sepak, hoki, badminton, sepak takraw dan sebagainya menggambarkan umur persaraan yang lambat. Sebaliknya sukan seperti gimnastik, perahu layar optimist, renang dan terjun menunjukkan umur persaraan yang cepat atau pun awal.

Pekerjaan

Di negara kita, sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk menanam semangat untuk bersukan. Dengan adanya sikap pengorbanan dan dedikasi yang tinggi dikalangan guru-guru, mereka sentiasa melahirkan atlet-atlet muda yang berbakat tinggi dan menyerlah kemudian diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini amat jelas terbukti kerana menurut dapatan kajian ini, 37.5% daripada sampel kajian terdiri daripada golongan pelajar ketika mula mewakili negara.

Institusi bank yang berorientasikan perniagaan, sering akan mengaitkan diri mereka dengan atlet yang berjaya. Atlet ini dapat dijadikan sebagai satu daya tarikan untuk menonjolkan keunggulan dan kekuatan sesuatu institusi bank dari segi ekonomi. Atlet juga dijadikan sebagai duta sesuatu bank yang mampu merapatkan hubungan bank dan klien.

Atlet juga memainkan peranan sebagai iklan bergerak untuk meningkatkan imej dan pelaburan. Atas sebab-sebab tersebut itulah institusi bank berebut-rebut menawarkan pekerjaan kepada atlet yang unggul dari segi prestasi sukan. Selain dari bank institusi kewangan lain seperti pihak insuran, pihak majlis perbandaran, institusi pendidikan tinggi juga menjadi antara pihak yang popular menawarkan peluang melanjutkan pelajaran atas dasar yang sama seperti pihak bank.

Namun, begitu bukan semua atlet berpeluang mendapatkan pekerjaan yang baik serta bergaji lumayan. Ada sampel kajian yang terpaksa menganggur walaupun mewakili negara dalam sukan. Ini adalah disebabkan tahap kelulusan akademik yang rendah atau kurang memuaskan. Ada pula sampel yang sanggup menganggur semata-mata untuk memberikan tumpuan seratus peratus dalam latihan dan kejohanan antarabangsa.

Selepas atlet elit bersara daripada sukan, bukan semuanya mencari dan mendapatkan pekerjaan atau kerjaya yang berkaitan dengan sukan. Ada yang terpaksa bekerja di pejabat yang langsung tidak berkait dengan sukan. Hanya segelintir daripada atlet elit yang bersara menunjukkan minat untuk menjadi jurulatih. Kemungkinan pengalaman pahit yang ditimpa ketika menjadi atlet, telah menghalang penglibatan mereka dalam bidang kejurulatihan.

Pengalaman sebagai seorang atlet adalah satu kelebihan kepada seseorang atlet untuk menceburkan diri dalam bidang kejurulatihan. Ini adalah kerana pengalaman dan pengetahuan sukan yang mereka memiliki akan menjadi satu panduan yang bernilai untuk melatih atlet-atlet muda. Mereka akan lebih memahami segala masalah, kelebihan, kekurangan serta elemen-elemen mental yang terlibat semasa menghadapi sesuatu kejohanan. Sayang sekali hanya 7.8 % daripada atlet elit yang telah menjadi sampel kajian ini melibatkan diri dalam bidang kejurulatihan.

Seharusnya, pihak persatuan sukan menggunakan kebolehan, pengalaman serta pengetahuan atlet yang bersara ini untuk menjalankan program-program pembangunan sukan secara meluas diseluruh negara kita supaya dapat mengembalikan zaman kegemilangan sukan negara.

Di negara kita ada atlet yang sangat komited dan berdedikasi yang mana mereka sanggup mengambil risiko tinggi dengan mengambil cuti semata-mata untuk latihan dan pertandingan. Bukan semua majikan menyukai keadaan ini. Apabila atlet menamatkan kariernya sebagai atlet elit, mereka kehilangan banyak keistimewaan serta peluang-peluang kenaikan pangkat disebabkan cuti yang diambil oleh mereka.

Keadaan ini jelas kelihatan apabila negara kita menjadi tuan rumah untuk sukan Komenwell pada tahun 1998. Jumlah atlet yang terlibat dalam latihan sahaja adalah lebih daripada 500 orang. Akhirnya yang terpilih hanyalah satu pertiga daripada jumlah tersebut. Setelah tamat Sukan Komenwel ramai atlet telah bersara. Kesemua atlet yang terlibat dalam acara sukan tersebut telah diberi cuti tanpa rekod untuk menjalani latihan pusat selama empat tahun. Walau bagaimanapun setelah tamat Sukan Komenwel apabila atlet pulang ke tempat kerja, ramai daripada atlet ini telah kehilangan peluang kenaikan pangkat dan gaji kerana telah kehilangan sinioriti mereka. Malahan ada atlet elit dihentikan kerja atas alasan kemelesetan ekonomi.

Sektor kerajaan bukanlah satu sektor yang popular di kalangan atlet untuk bekerja. Kemungkinan hasrat pihak bank dengan pihak kerajaan berbeza dalam usaha memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada atlet elit. Pada ketika ini atlet elit yang telah bersara didapati ada yang masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Atlet elit yang masih menuntut di institusi-institusi berkenaan yang jumlahnya 5.9% , hampir kesemuanya sedang menuntut dalam bidang yang berkaitan dengan sukan.

Sektor bank masih menjadi tempat paling popular untuk atlet elit yang telah bersara untuk mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun hanya

31.4% daripada mereka kini sedang menjalankan perniagaan sendiri. Namun begitu bukan semua yang telah berjaya. Seorang atlet elit yang pernah menjadi juara Asia dalam acara bina badan kini sedang bekerja di sebuah pasar yang berada di Bandar Kucing, Sarawak. Keadaan beliau sungguh menyedihkan kerana pihak yang bertanggung jawab dengan sukan di negeri tersebut tidak menggunakan kepakaran dan pengalaman beliau untuk mengembangkan sukan di negeri tersebut.

Sementara itu atlet elit juga harus dipersalahkan sekiranya mereka gagal mendapat kejayaan dalam hidup setelah bersara. Ini adalah kerana atlet itu sendiri seharusnya berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan diri dalam pelbagai aspek terutamanya kelulusan akademik atau kemahiran-kemahiran teknikal yang tertentu.

Budaya negara kita ialah memberi keutamaan kepada kelulusan akademik. Ramai atlet yang berada dalam lingkungan belasan tahun atau di awal dua puluhan menghabiskan masa serta usia mereka dalam latihan dan pertandingan; bukannya dalam bidang akademik. Kalau ada pun tidak ramai yang dapat melakukan dua perkara yang penting dalam satu masa, iaitu berlatih dan belajar.

Kajian juga jelas menunjukkan bahawa bukan semua persatuan sanggup menggunakan kepakaran dan pengalaman atlet elit yang telah bersara. Hanya 5.9% daripada jumlah responden mereka yang berpeluang jadi jurulatih sepenuh masa. Tidak ramai juga yang bekerja dipersatuan-persatuan sukan ataupun di badan-badan yang berkaitan dengan sukan. Hanya 7.9% responden yang diambil bekerja di badan-badan sukan. Ini menunjukkan betapa tidak seriusnya badan-badan sukan untuk mentadbir badan-badan sukan ke arah profesionalisma.

5.2 Faktor Pendorong Penglibatan Dalam Sukan

Individu melibatkan diri dalam sukan berdasarkan pelbagai faktor pendorong. Responden kajian memberikan lebih dari satu faktor sebagai faktor pendorong. Hasil daripada penganalisan data sebanyak sepuluh faktor utama dikenal pasti sebagai faktor pendorong penglibatan dalam sukan oleh atlet elit.

5.2.1. Minat

Kesemua responden(100%) mengatakan bahawa minat mereka terhadap sukan adalah faktor yang utama mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan. Kebanyakan responden menyatakan minat tersebut timbul kerana mereka sering melihat sukan berkenaan di kaca TV dan surat khabar. Hasil daripada¹ minat dan perasaan ingin tahu dan ingin cuba, ianya

telah membawa atlet terus melibatkan diri dalam sukan berkenaan. Sepertimana yang dikatakan oleh Orlick (1986) minat merupakan sumber motivasi yang tidak perlu ditanam di jiwa kanak-kanak kerana ia lahir dan sebatiji mereka. Apa yang mereka perlukan ialah peluang dan tunjuk ajar yang betul serta sokongan keluarga dan persekitaran.

5.2.2 Kebolehan Semulajadi

Keadaan fizikal yang semulajadi adalah satu lagi kelebihan kepada atlet yang berjaya. Otot yang sesuai seperti “Fast twitch” dan “Slow twitch” merupakan antara faktor penentu kejayaan atlet dalam sesuatu acara. Kedudukan dan keupayaan paru-paru dan jantung yang memiliki fungsi optima ditambah dengan latihan yang sistematik juga memainkan peranan dalam mencemerlangkan seseorang atlet berdasarkan sukan yang dipilihnya. Mengetahui, menyedari serta mempertingkatkan fungsi organ-organ berkenaan dapat meningkatkan kebolehan semula jadi seseorang atlet. Kesedaran ini sebenarnya merupakan antara faktor pendorong utama individu melibatkan diri dalam sukan.

Selain daripada kebolehan dari segi fizikal kepercayaan diri, iaitu percaya yang dirinya mampu melakukan sesuatu yang istimewa serta yang menakjubkan juga menjadi satu faktor pendorong yang utama yang membolehkan seseorang¹ mencuba sesuatu yang baru. (Orlick, 1986).

Kenyataan Orlick disokong oleh hasil dapatan kajian ini. Sejumlah 96.1% responden kajian menyatakan bahawa mereka melibatkan diri dalam bidang sukan kerana percaya dirinya dapat melakukan sesuatu yang istimewa daripada orang lain. Kepercayaan bahawa dirinya ada kebolehan semula jadi yang istimewa telah mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan.

5.2.3. Menjaga Kesihatan Dan Kecergasan

Sistem pendidikan kita yang mana mewajibkan setiap pelajar harus menjalani aktiviti sukan melalui mata pelajaran pendidikan jasmani dan aktiviti ko-kurikulum dapat membantu menyedarkan pelajar betapa pentingnya sukan sebagai saluran yang dapat membekalkan gaya hidup yang sihat.

Ada atlet melibatkan diri dalam sukan sewaktu usiannya sembilan tahun untuk mengatasi masalah kesihatan. Penglibatan pada usia yang begitu muda telah mula menanam minat terhadap aktiviti sukan. Seramai 90.1% telah menyatakan faktor menjaga kesihatan dan kecergasan merupakan antara faktor yang telah mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan.

5.2.4 Galakan Guru

Faktor pendorong seterusnya yang telah banyak mendorong atlet elit melibatkan diri dalam sukan adalah galakan daripada guru. Sekolah yang menjadi tempat mendapatkan pendidikan secara formal juga akan memberi pendidikan jasmani secara formal. Sukatannya pelajaran pendidikan jasmani di sekolah melibatkan pengenalan kepada kemahiran sesuatu jenis sukan atau permainan. Guru pendidikan jasmani dapat kenal pasti pelajar-pelajar yang mempunyai bakat dalam sukan dan seterusnya akan memberi peluang latihan dan pertandingan di peringkat Zon, Daerah, Negeri dan Kebangsaan.

Guru akan memainkan peranan yang amat penting di mana segala galakan yang diberi olehnya akan menjadi asas kepada seseorang atlet untuk terus maju dalam bidang sukan. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa 86.2% atlet elit dapat galakan kuat daripada guru masing-masing. Menurut Bandura (1986) pelajar akan mencontohi tindakan pengaruh terdekat (modeling) melalui interaksi yang berterusan dengan persekitaran sosialnya. Sementara itu, menurut Fox dan Biddle (1988) pelajar akan mempelajari kemahiran, membentuk sikap dan norma serta memperolehi pengetahuan tentang aktiviti fizikal melalui pendedahan daripada pengaruh ibu bapa, guru-guru atau rakan sebaya yang aktif secara fizikal.

5.2.5 Galakan Bapa

Peranan bapa sebagai agen pendorong dan sosialisasi yang penting dari segi penglibatan pelajar di dalam aktiviti fizikal atau sukan di sokong oleh kajian Overman dan Rao (1981). Menurut mereka seorang bapa akan mempengaruhi tingkah laku anaknya kerana mereka dianggap sebagai ketua keluarga serta 'role model' yang perlu dicontohi oleh anak-anak mereka.

Menurut Treiber et al. (1991), Sokongan sosial dan moral akan memberi keyakinan kepada individu terhadap keupayaannya untuk melakukan sesuatu tingkah laku dan seterusnya meningkatkan pencapaian dan kecekapan di dalam tingkah laku yang diceburinya. Kenyataan-kenyataan tersebut jelas terbukti di mana 78.2% atlet elit menyatakan galakan daripada bapa mereka adalah salah satu faktor pendorong penglibatan mereka dalam bidang sukan.

5.2.6 Galakan Ibu

Berbanding dengan galakan bapa (78.2%) para ibu hanya disebut memberi galakan kepada 68.6% atlet elit sahaja. Seorang ibu dan bapa tidak semestinya mempunyai cita rasa dan rancangan yang sama terhadap masa depan anak mereka. Perbezaan peratusan tersebut mungkin juga berkaitan dengan pendedahan ibu bapa itu sendiri dalam

sukan. Kemungkinan kaum bapa lebih terdedah kepada perkembangan sukan jika dibanding dengan kaum ibu.

5.2.7 Mencontohi 'Hero' Sukan

Responden kajian juga melaporkan bahawa atlet elit yang telah menjadi legenda dalam sesuatu sukan telah mendorong mereka menceburkan diri dalam sukan. Ia sekali lagi membuktikan pengaruh 'role model' seperti yang dinyatakan oleh Overman dan Rao (1981). Walau bagaimanapun negara kita memang kekurangan jaguh sukan yang boleh dikenali sebagai legenda sukan. Kebanyakan atlet elit memilih jaguh sukan negara lain sebagai hero sukan mereka.

Dapatan kajian juga menunjukkan pemain-pemain bola sepak sering menamakan pemain-pemain Eropah atau Amerika Selatan sebagai hero sukan mereka. Senario ini mungkin juga menggambarkan keadaan atau taraf bola sepak negara yang ketandusan pemain-pemain yang berkaliber.

Atlet olahraga juga tidak ramai yang menamakan bekas jaguh sukan tempatan sebagai hero sukan mereka. Didapati atlet olahraga menamakan atlet yang pernah memenangi pingat emas di sukan Olimpik sebagai hero sukan yang telah mendorong mereka menceburi bidang sukan. Keadaan ini agak jelas menggambarkan prestasi atlet negara kita setakat ini yang tidak

dapat dijadikan sebagai teladan atau pendorong dalam bidang sukan. Walau bagaimanapun sukan-sukan seperti badminton dan hoki memang telah meninggalkan legenda-legenda sukan yang boleh dijadikan sebagai hero-hero sukan bagi atlet muda negara kita ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemain-pemain hoki menamakan bekas-bekas pemain negara yang telah mempamerkan keunggulan mereka, dijadikan sebagai pendorong penglibatan dalam sukan.

5.2.8 Mendapatkan Kehidupan Glamor

Senario sukan kini tidak seperti dahulu. Dahulu, sukan tidak banyak dikaitkan secara komersial. Tetapi kini sukan dan komersial seolah-olah tidak dapat dipisahkan. Sukan mampu memberikan kehidupan yang mewah serta layanan istimewa kepada atlet elit seperti bintang-bintang filem.

Atlet-atlet yang mempamerkan kebolehan cemerlang dalam sesuatu kejohanan antarabangsa mendapat publisiti yang amat meluas di serata dunia. Walau bagaimana pun keadaan di negara kita tidaklah sehebat dibanding dengan negara-negara Eropah atau Amerika, di mana mereka mengamalkan sukan profesional.

Di negara kita atlet elit yang berjaya turut diberi layanan istimewa dan sering dikerumuni oleh peminat walaupun bukan seperti di negara-negara barat. Perhatian dan layanan istimewa yang diterima oleh atlet samada di negara kita ataupun di negara barat ianya cuma memang telah menjadi satu faktor yang telah banyak mendorong responden menceburkan dalam bidang sukan.

5.2.9 Mencontohi Bapa

Ibu dan bapa adalah antara dua orang yang paling terdekat dengan seseorang individu khususnya kanak-kanak. Dorongan daripada mereka dalam apa juga bidang akan mempunyai pengaruh yang amat mendalam. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Wold dan Anderson (1992) didapati pelajar yang mempunyai ibu bapa yang mengambil bahagian di dalam sukan, adalah lebih cenderung, untuk mengambil bahagian berbanding dengan si pengaruh terhampir yang tidak mengambil bahagian di dalam sukan.

Hasil daripada kajian ini, didapati bapa yang mengambil bahagian dalam sukan untuk rekreasi ataupun diperingkat kebangsaan dan antarabangsa memang telah mendorong dengan banyaknya atlet elit yang telah menjadi sampel kajian ini. Sekali gus juga menyokong hasil kajian yang dilakukan oleh Wold dan Anderson (1992). Terdapat

dua puluh orang atlet elit (39.2%) daripada jumlah 51 orang responden (100%) telah menyatakan keinginan untuk mencontohi bapa mereka dalam bidang sukan, telah menjadi salah satu pendorong yang kuat yang menyebabkan mereka melibatkan diri dalam sukan.

Peranan bapa dalam membimbing anaknya dalam bidang sukan amat bergantung kepada beberapa faktor sampingan lain. Iaitu tahap penglibatan bapa dalam bidang sukan dan minatnya terhadap sukan itu sendiri. Jelas di sini institusi keluarga amat penting dalam usaha mewujudkan generasi yang cemerlang dalam bidang sukan. Ibu-bapa sekiranya mengamalkan gaya hidup yang sihat seperti melibatkan diri dalam sukan, maka negara kita tidak ada ketandusan atlet muda yang satu hari nanti akan mencemerlangkan nama negara dalam bidang sukan.

5.2.10 Kewangan

Antara sepuluh faktor utama yang telah mendorong atlet menceburkan diri dalam sukan adalah keinginan untuk mendapatkan wang yang banyak. Walaupun hanya sembilan belas atlet daripada lima puluh satu orang responden sahaja yang menyatakan faktor berkenaan sebagai faktor pendorong yang kuat, namun ia jelas menggambarkan 'trend' dan arah sukan negara. Atlet kini mula memikirkan sukan sebagai kerjaya mereka.

Ramai atlet kini mula memikirkan untuk jadi atlet sepenuh masa yang dikenali sebagai atlet professional supaya dapat memperoleh pendapatan lumayan daripada penaja, pengiklanan, penampilan di majlis-majlis tertentu, penyertaan di kejohanan-kejohanan tertentu, wang kemenangan, pertandingan antarabangsa dan pengiktirafan barangan sukan.

Walau bagaimanapun di negara kita tidak ramai atlet yang benar-benar berjaya sebagai atlet professional. Beberapa atlet badminton telah mencuba nasib tetapi belum menampakkan sebarang tanda-tanda positif. Sukan seperti bowling dan skuasy yang mana atlet negara kini mula mencatatkan nama di peringkat dunia mempunyai potensi yang besar dari sudut komersial. Tidak hairanlah dalam beberapa tahun akan datang ini ramai daripada acara sukan ini akan menjadi atlet sepenuh masa. Pada masa-masa akan datang wang akan menjadi satu sumber motivasi dan pendorong kuat kepada anak-anak muda negara kita menceburkan diri dalam sukan.

5.3 Faktor Pendorong Pesaraan

Setelah melibatkan diri dengan sukan peringkat antarabangsa, apabila tiba masanya untuk mengundurkan diri disebabkan oleh faktor yang tidak dapat dielakkan, seseorang atlet pastinya akan melalui pelbagai bentuk

perasaan dan dugaan. Mereka bersara disebabkan satu atau lebih faktor yang tertentu.

Atlet elit Malaysia yang dikaji telah menyatakan lebih dari satu faktor sebagai faktor pendorong persaraan sebagai atlet elit. Sebanyak sepuluh faktor dikenal pasti sebagai faktor-faktor utama yang menyebabkan atlet elit bersara.

5.3.1 Mencapai Matlamat.

Orlick (1986) menyatakan bahawa setiap atlet mempunyai matlamatnya sendiri dalam bidang sukannya. Perancangan yang teliti dan spesifik akan membantu atlet menetapkan matlamat harian atau matlamat latihan, matlamat yang hendak dicapai dalam beberapa minggu, bulan atau tahun. Sekiranya matlamat yang ditetapkan mula memberi hasil maka atlet boleh mula memikirkan tentang matlamat impiannya.

Apabila menetapkan matlamat, ia seharusnya munasabah, mencabar, boleh diukur dan dapat dilihat daripada keputusan-keputusan pertandingan dan juga latihan harian. Sekiranya matlamat yang ditetapkan mudah dicapai, maka ianya perlu dikaji semula. Sekiranya penyusunan semula matlamat tidak dilakukan, kemungkinan atlet akan hilang rasa dicabar, dan akan mula menunjukkan kesan kebosanan.

Hasil kajian menunjukkan atlet elit yang telah bersara sebanyak 76.4% (n = 39) menyatakan segala matlamat mereka telah dicapai dan ianya merupakan faktor yang paling kuat mendorong pesaraan mereka. Di antara komen yang diberikan oleh responden kajian adalah seperti berikut:

"Saya telah mencapai segala matlamat yang telah ditetapkan tiada apa lagi hendak buktikan pada diri saya sendiri. Saya telah menjadi juara dunia dalam acara Taek Kwan-Do. Saya telah pun mencapai matlamat impian, tiada apa lagi dibuktikan."

(Atlet Taek Kwan - Do)

Walau bagaimanapun bukan kesemua tiga puluh sembilan atlet yang ditemuramah menyatakan matlamat impian mereka tercapai. Kebanyakan mereka puas hati dengan pencapaian mereka berdasarkan matlamat yang ditentukan dalam kejohanan kecil seperti sukan kebangsaan dan sukan SEA.

Apabila sesuatu matlamat telah dicapai, maka ia adalah tugas atlet itu sendiri untuk mengatur dan menetapkan matlamat-matlamat yang lebih mencabar supaya, ianya akan sentiasa mendorong mereka untuk melipat gandakan usaha mereka sama ada dalam latihan ataupun pertandingan.

5.3.2 Pencapaian Kepuasan Optima Semasa Bersukan Di Peringkat Paling Tinggi

Atlet elit yang cemerlang dari segi pencapaian mereka di kejohanan-kejohanan antarabangsa menyatakan bahawa mereka telah mencapai kepuasan hati yang optima. Walaupun perasaan sedih tetap menyelubungi mereka buat seketika, namun kepuasan yang dicapai setelah menunjukkan prestasi cemerlang telah mengubati hati mereka setelah bersara sebagai atlet elit.

Sebanyak 74.4% daripada atlet eliti yang telah bersara menyatakan bahawa mereka cukup puas hati bertanding di peringkat yang paling tinggi seperti di Sukan Asia, Sukan Komenwel, Sukan Olimpik, Piala Dunia dan sebagainya. Atlet elit yang telah bersara telah menunjukkan pegangan hidup yang positif. Mereka menyatakan walaupun tidak memperolehi pingat atau kejayaan yang cemerlang, namun rasa kepuasan tetap wujud kerana dapat berpeluang mengambil bahagian dalam sukan atau kejohanan yang bertaraf dunia.

Orlick (1986) menyatakan bahawa kepuasan yang dicapai oleh atlet sememangnya berkait rapat dan selari dengan matlamat yang telah dicapai oleh mereka. Apabila matlamat jangka panjang serta matlamat

impian dicapai oleh seseorang atlet, rasa kepuasan yang dicapai pada ketika itu tidak dapat di takrifkan dalam perkataaan. Rasa kepuasan yang wujud pada ketika atlet elit bersara, membolehkan mereka melalui proses transisi ataupun penyesuaian hidup dengan lalin. Walau bagaimanapun ianya mungkin berbeza-beza mengikut kesediaan psikologi atlet berkenaan ketika mengumumkan persaraan mereka. Walaupun mereka sedih kerana akan meninggalkan segala keseronokkan, cabaran dan serta kehidupan yang glamour. Namun begitu rasa kepuasan sendiri tetap wujud dalam jiwa mereka kerana impian tercapai.

Kejayaan-kejayaan di peringkat yang tinggi serta bangga terhadap sumbangan diri mereka sendiri kerana penglibatan mereka sedikit sebanyak telah meningkatkan imej negara di persada antarabangsa. Sebanyak 74.4% atlet elit yang telah bersara menyatakan mereka cukup puas bertanding di peringkat yang paling tinggi seperti sukan Asia, sukan Olimpik dan Piala Dunia.

Menurut Orlick (1986), kepuasan yang dicapai amat berkait rapat dengan matlamat yang dicapai. Apabila matlamat jangka panjang dan matlamat impian dicapai oleh atlet, rasa kepuasan juga diparas yang tinggi. Walau bagaimanapun adakalanya tahap kepuasan berbeza mengikut keinginan individu, peringkat sukan itu dipertandingkan serta peringkat pencapaian.

5.3.3 Tiada Peningkatan Dalam Prestasi

Apabila atlet mula menyedari tiada sebarang peningkatan dalam prestasi sukan disebabkan faktor-faktor yang berkaitan, tambahan pula persaingan sengit yang perlu dihadapi daripada atlet baru, maka kebanyakan atlet sedar bahawa sudah tiba masanya untuk memberi perhatian serius terhadap diri atlet itu sendiri. Sehubungan itu, cetusan fikiran akan muncul dalam minda atlet seperti idea persaraan, mengubah suai program latihan dan mengubah tingkah laku.

Profesor Madya, Dr. Mohd. Noh Che Nor yang merupakan seorang autoriti dalam bidang sains sukan di negara kita, menyatakan pendapatnya mengenai isu ini. Beliau menyatakan bahawa apabila kedudukan atlet elit senior mula dicabar oleh atlet muda, kebiasaannya atlet senior ini melakukan salah satu daripada tiga perkara berikut:

- a. Membuktikan kehebatan mereka dengan penamabahan beban latihan serta cuba sedaya upaya mencapai keputusan yang baik dalam pertandingan.
- b. Menyedari tahap kebolehan sendiri dan atlet muda yang sedang meningkat, akan mula berfikir tentang persaraan.
- c. Mula mencari alasan-alasan termasuk yang boleh dijadikan sebagai faktor-faktor persaraan mereka. Tindakan seumpama ini dilakukan

semata-mata untuk menyangkal pendapat orang ramai bahawa kehebatan mereka kini menuju ke jalan buntu.

Di antara komen yang diberikan oleh responden kajian mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

" Saya telah cuba sedaya upaya, namun prestasi saya tidak meningkat lagi. Saya tidak mahu bersara setelah dikalahkan dengan teruk oleh atlet yang junior. Rasa risau akibat penurunan dalam prestasi menyebabkan saya terpaksa buat keputusan untuk bersara "

(Atlet sukan badminton)

" Saya tidak nampak lagi sebarang peningkatan dalam prestasi saya. Tambahan pula kecederaan yang saya sering alami tidak pulih seratus peratus. Saya terpaksa bersara lebih awal daripada sukan kerana prestasi yang merosot akibat kecederaan yang tidak dapat dipulihkan sepenuhnya."

(Atlet sukan bola sepak)

5.3.4 Tiada Motivasi Bertanding Di Peringkat Antarabangsa

Lebih dari 50 % atlet elit menyatakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka buat keputusan untuk bersara adalah tiada lagi motivasi untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

Dapatan kajian menunjukkan responden tidak lagi mempunyai rasa seronok untuk bertanding di peringkat antarabangsa kerana mereka sudah cukup puas hati dan ada kalanya jemu dengan jadual pertandingan yang ketat serta perjalanan yang jauh. Keadaan ini jelas telah memainkan peranan penting dalam keputusan persaraan dikalangan atlet elit yang telah pun mendirikan rumah tangga serta mempunyai anak. Mereka lebih gemar menghabiskan masa bersama keluarga. Setiap kali keluar mewakili negara di peringkat antarabangsa atlet terasa amat kesunyian serta hilang semangat kerana teringatkan keluarga tersayang. Dengan sendirinya rasa seronok untuk bertanding juga turut luput dihati mereka. Justeru itu mereka tidak ingin berterusan begini dan terus mengumumkan persaraan mereka sebagai atlet elit.

Terdapat juga atlet elit yang dianggap sebagai tunggak dan bintang sukan negara, terpaksa menangguhkan rancangan persaraan mereka disebabkan oleh elemen-elemen paksaan daripada individu-individu yang berpengaruh dalam sukan berkenaan. Apabila atlet sudah pun membuat keputusan untuk bersara, mereka dipaksa bermain semula atas permintaan individu berpengaruh atau tokoh-tokoh politik.

Menurut atlet elit yang terlibat, mereka sebenarnya terpaksa bermain bukan kerana keseronokan tetapi sebaliknya atas dasar " terpaksa ". Apabila

pasukan negara mempamerkan prestasi yang kurang memuaskan, sering sekali mereka dijadikan sebagai punca kekalahan. Keadaan ini sebenarnya menyukarkan lagi proses persaraan mereka.

Senario ini membuktikan apa yang dinyatakan oleh Orlick (1984). Menurutya apabila penglibatan dalam sukan tidak lagi menyeronokkan serta hilang motivasi untuk bertanding di peringkat antarabangsa, ia adalah tanda-tanda yang nyata atlet elit untuk memikirkan persaraan. Menurut Coakley (1998), apabila seseorang atlet elit itu tidak lagi mempunyai motivasi bertanding lagi ianya membawa beberapa maksud ia itu;

- a. Atlet berkenaan telah membuktikan segala-galanya dalam sukan pilihanya
- b. Atlet berkenaan telah mencapai segala gol yang telah ditetapkan.
- c. Atlet itu tidak mempunyai rasa seronok untuk bertanding lagi.

Di antara tiga elemen yang disebutkan di atas, elemen ketiga iaitu tidak mempunyai perasaan seronok untuk bertanding mempunyai implikasi yang mendalam. Ini adalah kerana sekiranya tiada lagi perasaan seronok untuk melahirkan sesuatu, hasil akhirnya tidak akan menampilkan produk yang bermutu.

5.3.5 Prestasi Mula Merosot

Terdapat atlet yang bersara apabila prestasi mereka mula merosot. Ada yang cuba sedaya upaya untuk memulihkan prestasi mereka. Seorang atlet Badminton yang pada satu ketikanya merupakan pilihan utama dalam acara bergu, telah cuba sedaya upaya untuk memulihkan prestasi yang sedang merosot. Komen beliau adalah seperti berikut:

"Saya mula ditegur dan diberi peringatan oleh jurulatih untuk berusaha lebih gigih kerana prestasi mula merosot. Saya telah melibatkan usaha saya dengan menjalani latihan yang lebih intensif tetapi saya terpaksa akur dengan realiti, yang saya tidak mampu lagi melakukannya. Saya mengundurkan diri kerana sadar prestasi saya sebenarnya sedang merosot, saya tidak rela dijadikan sebagai pemain simpanan. "

Pernyataan tersebut menyokong dapatan Harris (1984). Walau bagaimanapun bukan semua atlet mengundurkan diri atau bertindak cepat setelah menyedari bahawa prestasinya sudah mula mengalami kemerosotan. Ada yang tunggu sehingga digugurkan oleh panel jurulatih dan ada pula hanya dijadikan sebagai pemain simpanan sahaja. Lama kelamaan akibat tidak diberi peluang bermain, atlet berkenaan akan terasa hampa dan terus bersara daripada sukan.

5.3.6 Umur

Sememangnya umur akan memainkan peranan yang besar menentukan kemampuan atau ketahanan fizikal seseorang atlet elit. Setiap jenis sukan mempunyai tahap atau kriteria had umur. Sukan seperti gimrama, renang berirama, gimnastik artistik, dan renang dipengaruhi oleh kriteria had umur.

Seorang perenang Malaysia, yang pernah digelar sebagai “Ratu Renang Malaysia” di sukan SEA dan Sukan Asia, berundur ketika umurnya 18 tahun. Menurutnyanya beliau tidak dapat mengikuti latihan-latihan yang keras lagi kerana terasa umurnya sudah tua untuk sukan renang. Seorang atlet renang menyatakan bahawa umur beliau yang sudah mencapai lapan belas tahun merasakan dirinya sudah tua untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

Sejumlah besar responden ia itu sebanyak 41.2% menyatakan umur adalah antara faktor pendorong yang menyebabkan mereka bersara sebagai atlet elit. Dalam konteks sukan Malaysia umur adalah salah satu faktor utama yang menentukan hayat penglibatan dalam sukan bagi seseorang atlet elit.

5.3.7 Masalah Dengan Pegawai Persatuan

Sebanyak 39.3% responden menyatakan mereka menamatkan penglibatan mereka dalam sukan kerana menghadapi masalah dengan pegawai-pegawai persatuan mereka. Ada pula atlet terasa disenarai hitam oleh persatuan sukan kerana jurulatih peribadinya tidak serasi dengan pegawai persatuan. Salah seorang daripada atlet olahraga telah memberikan komen seperti berikut:

" Jurulatih saya telah merangka program periodisasi yang cukup meyakinkan. Dengan latihan yang dirangka saya amat beryakin dapat melakukan prestasi cemerlang menjelang tahun 2003. Tetapi persatuan sukan telah menamatkan kontrak jurulatih saya kerana ada pegawai yang tidak sependapat denganya atas sebab-sebab yang tertentu. Saya telah hilang punca atau hala tuju. Saya tidak percaya jurulatih lain dapat melatih saya seperti jurulatih saya yang asal. Saya hanya kecewa dengan tindakan persatuan."

Dua lagi atlet hoki menyatakan betapa kecewa mereka atas sikap tidak konsisten oleh pegawai-pegawai persatuan semasa pemilihan pemain dilakukan. Mereka juga menyatakan perasaan tidak puas hati , kecewa dan hampa mereka kerana jurulatih adalah orang paling layak memilih pemain, bukannya pegawai persatuan. Responden menuduh pegawai

Hampir semua atlet berpendapat bahawa persatuan sukan boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi cemerlang atlet. Malangnya di negara kita banyak persatuan sukan ditadbir oleh orang yang tidak mempunyai latar belakang sukan. Oleh kerana mereka tidak memahami norma-norma sukan serta kehendak-kehendak sukan itu sendiri, sering pegawai-pegawai persatuan tersilap langkah dan terus menjejaskan prestasi atlet elit. Sering juga pegawai-pegawai persatuan menjadi faktor utama atlet menamatkan penglibatan mereka dalam sukan sebagai atlet elit. Seorang atlet elit dari sukan Olahraga telah memberikan komenya seperti berikut :

" Saya sedih melihat orang yang tidak ada pengalaman serta pengetahuan langsung dalam bidang Olahraga, terlibat dalam jawatan kuasa pemilihan atlet. Kriteria pemilihan yang sentiasa berubah sering mengecewakan saya, seolah-olah mereka menindas saya. Saya telah merasakan usaha saya tidak berbaloi langsung melihat kerenah yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai daripada persatuan sukan ".

5.3.8 Tekanan Dari Pasangan Hidup

Sekiranya pasangan hidup seseorang atlet elit tidak mempunyai persefahaman, perjalanan hidup seterusnya amatlah sukar untuk dilaluinya. Atlet elit yang telah berumah tangga atau mempunyai teman hidup juga tidak terlepas daripada keadaan ini. Sekiranya pasangan hidup mereka tidak

memahami impian dan pengorbanan, tidak memberi kerjasama langsung dalam usaha merealisasikan impian mereka. Ini akan menyebabkan atlet hilang tumpuan dalam sukan.

Latihan yang intensif dan berterusan serta jadual pertandingan yang ketat selalunya akan memisahkan atlet dengan keluarganya untuk tempoh yang panjang. Ada atlet terpaksa tinggalkan suami, isteri dan anak semata-mata untuk berlatih di luar negara. Keadaan yang berterusan ini akan menjadi gangguan jangka panjang dalam hidup atlet berkenaan dan lambat laun ianya juga akan menjadi punca utama persaraan mereka. Pasangan hidup samada suami atau isteri atlet berkenaan terpaksa menanggung rindu dan tanggungjawab untuk menjaga keluarganya. Kesabaran yang ditunjuk oleh seseorang suami atau isteri mungkin pada suatu hari akan teruji juga.

Sebanyak 33.2% responden daripada 51 orang (100%) menyatakan mereka bersara kerana terpaksa akur pada tekanan yang diberikan oleh pasangan hidup. Masalah ini lebih ketara pula dikalangan atlet lelaki yang telah berkahwin.

" Tekanan daripada isteri telah mendorong saya meniggalkan sukan yang saya amat sayangi. Saya belum cukup puas bertanding, banyak yang saya hendak

capai dan hendak buktikan. Malangnya hasrat dan impian saya tidak menjadi kenyataan akibat tekanan daripada isteri saya ".

Dapatan kajian memberikan gambaran yang jelas betapa tingginya pengaruh pasangan hidup atlet yang mana telah mempengaruhi penglibatan mereka dalam sukan serta persaraan. Sekiranya pasangan hidup atlet elit cukup memahami pengorbanan, hasrat serta kebolehan atlet berkenaan, sudah pasti kita akan dapat melihat prestasi-prestasi yang lebih cemerlang.

5.3.9 Kecederaan

Kecederaan adalah sesuatu kejadian lumrah yang hampir pasti semua atlet elit akan menghadapinya. Kecederaan telah menjadi salah satu pendorong yang kuat untuk bersara bagi atlet elit. Dapatan kajian menunjukkan seramai 15 orang responden ataupun 29.5% atlet elit terpaksa bersara kerana kecederaan yang berterusan serta kronik. Beberapa atlet menyatakan betapa sakitnya kaki mereka ketika latihan ataupun pertandingan.

Seorang pemain bola keranjang menyatakan kecederaan demi kecederaan yang dialaminya mematahkan semangatnya untuk meneruskan penglibatan sukan. Seorang atlet bola sepak pula yang pernah beraksi di perlawanan-perlawanan kelayakan piala dunia menyatakan bahawa persaraannya disebabkan oleh kecederaan. Kecederaanya tidak pulih lagi walaupun sudah lapan⁴ tahun beliau telah bersara.

Seorang atlet berbasikal yang ingin mengulang kecemerlangan bapanya yang pernah mewakili negara disuatu ketika dahulu, menyatakan bahawa kemalangan yang di alaminya ketika berlatih di lebuhraya telah musnahkan impiannya untuk mengulang jejak kaki ayahnya.

Bukan semua atlet yang cedera dapat pulih 100% dan kembali beraksi semula. Perubahan sukan di negara kita jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara barat. Rehabilitasi yang cukup sistematik serta saintifik dapat memberi peluang kepada atlet berkenaan beraksi semula dalam beberapa minggu sahaja. Dalam hal ini pengetahuan pengurusan kecederaan amatlah penting. Jurulatih dan atlet itu sendiri perlu mempunyai pengetahuan saintifik tentang sukan yang diceburinya serta segala hal-hal yang berkaitan dengannya. Dengan adanya pengetahuan dalam pengurusan kecederaan, kemungkinan besar atlet dapat beraksi kembali dalam sukan masing-masing.

5.3.10 Melanjutkan Pelajaran

Didapati sejumlah 21.6% daripada atlet elit masih menjadi pelajar ketika menjadi atlet elit. Prof. Madya Dr. Mohd Noh Che Noh menyatakan bahawa tidak ramai ibu bapa atlet negara yang memahami kepentingan sukan dan pendidikan. Mereka gagal menyedari hakikat bahawa sukan dan pendidikan adalah kombinasi yang cukup baik untuk melahirkan individu yang cemerlang.

Perubahan dari segi pemikiran yang lebih rasional mengenai kepentingan sukan dan pendidikan perlu wujud dikalangan ibu bapa supaya dapat melahirkan atlet yang berintelektual. Malangnya ibu bapa masih mengejar kelulusan peperiksaan. Budaya masyarakat Malaysia lebih utamakan pendidikan daripada sukan. Ramai responden kajian terpaksa meninggalkan bidang sukan semata-mata mengejar kelulusan akademik yang tinggi seperti yang dinasihatkan oleh ibu bapa mereka.

Sebenarnya ibu bapa juga tidak harus dipersalahkan sebulat-bulatnya. Sistem pendidikan negara kita juga memberikan tekanan yang tinggi kepada pendidikan berbanding dengan sukan. Kriteria penglibatan sukan harus dijadikan sebagai salah satu prioriti dalam pengambilan pelajar di IPT negara tanpa mengira jurusan pengajian.

Beberapa universiti sudah mula menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan, serta memberi peluang kepada atlet kebangsaan untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun apabila seorang atlet elit masuk ke dalam universiti, sistem akademik di universiti itu sendiri menjadi penghalang utama bagi atlet elit untuk terus melibatkan diri dalam sukan.

Beberapa atlet yang sedang melanjutkan pelajaran di universiti menyatakan mereka terpaksa memilih di antara sukan dengan pendidikan kerana terpaksa. Mengikut mereka atlet elit tidak diberi banyak kelonggaran sebaliknya dilayan seperti pelajar biasa. Pada pendapat mereka atlet elit perlu diberi sedikit kelonggaran syarat dalam hal-hal berkaitan dengan kerja-kerja kursus. Sekiranya atlet elit diberi tekanan yang berlebihan oleh pihak universiti, sudah pasti universiti tetap akan jadi tempat perkuburan atlet negara.

5.4 Bentuk Pengalaman Hidup Selepas Persaraan

Setelah berkecimpung selama beberapa tahun dalam latihan dan pertandingan bukannya satu perkara yang mudah untuk melepaskan atau berhenti berbuat demikian. Bukannya semua atlet bersedia lebih awal untuk menyambut hari atau detik persaraannya sebagai seorang atlet elit.

Pengalaman kejayaan atau kekalahan sahaja bukan menjadi isu perbincangan di sini. Persekitaran pertandingan serta latihan, layanan dari pihak media, peminat sukan, rakan sebaya, keseronokan semasa bertanding, kawan dan lawan di medan pertarungan juga menjadi perkara-perkara pendorong persaraan. Pengalaman manis atau pahit ini akan kekal untuk beberapa ketika atau pun untuk satu jangka masa yang panjang.

Apabila atlet mula menyedari hakikatnya bahawa sudah tiba masanya untuk membuat keputusan bersara sebagai seorang atlet elit, sudah pasti proses membuat keputusan tersebut bukannya satu perkara mudah yang dilakukan oleh atlet berkenaan.

5.4.1 Tahap Kepastian Membuat Keputusan Untuk Bersara

Setelah meneliti semua aspek secara terperinci, barulah seseorang atlet elit yang berkenaan akan pasti dengan keputusannya untuk bersara. Responden kajian ini menggambarkan hampir 50% daripada 51 orang responden kajian tidak pasti atau masih ragu-ragu dengan keputusan mereka untuk bersara. Ianya adalah kerana atlet-atlet yang bersara disebabkan faktor kecederaan atau melanjutkan pelajaran menyatakan hasrat mereka untuk kembali bertanding lagi. Mereka ingin bertanding semula setelah tamat pengajian mereka dan yang cedera pula ingin kembali beraksi semula selepas pulih dari kecederaan.

Malangnya setelah mencapai keputusan bersara untuk sementara, kesemua atlet yang menyatakan keinginan mereka untuk bertanding semula tidak dapat berbuat demikian. Ini adalah disebabkan oleh faktor kelemahan motivasi sendiri, jurang rehat yang agak panjang serta kekurangan sokongan daripada persatuan sukan, jurulatih, ahli keluarga serta rakan sebaya.

Seorang responden dari sukan renang yang kurang pasti dengan keputusannya untuk bersara menyatakan bahawa selepas pangajiannya di institut pengajian tinggi kemungkinan beliau akan kembali bertanding lagi. Tetapi ianya adalah bergantung kepada situasi di masa depan. Responden yang bersara kerana kecederaan memberikan komen seperti berikut:

"Saya belum membuktikan kemampuan diri yang sebenar dalam pertandingan. Kecederaan yang saya alami walaupun serius dan memerlukan pembedahan namun saya percaya dapat beraksi kembali serta mempamerkan prestasi terbaik saya yang akan menggambarkan kemampuan dan potensi diri saya yang sebenar".

(Atlet sukan bola sepak)

Terdapat atlet yang menjadi masa-masa yang sukar mengharapkan nasibnya akan bertukar serta masanya akan tiba untuk beraksi semula. Namun begitu kegagalan untuk beraksi semula menjadi satu pengalaman yang pahit dalam kehidupan mereka. Responden yang pasti dengan keputusan persaraan mereka tidak mengalami sebarang masalah apabila mengumumkan keputusan untuk bersara. Di dapati mereka begitu jelas dengan faktor-faktor yang menjadi penghalang untuk meneruskan kegiatan sukan di peringkat elit atau antarabangsa. Antara komen-komen daripada responden kajian yang pasti atau sangat pasti dengan keputusan mereka adalah seperti berikut:

" Saya tidak banyak menghabiskan masa apabila membuat keputusan untuk bersara sebagai atlet elit. Saya sangat pasti bahawa tidak ada apa yang boleh memotivasikan diri saya untuk terus bertanding di peringkat antarabangsa kerana saya telah pun mencapai matlamat diri saya yang telah ditetapkan".

(Atlet sukan silat olahraga)

Seorang atlet bola sepak menyatakan bahawa kegagalan mendapatkan pingat emas dalam Sukan SEA telah melemahkan semangatnya untuk terus bermain untuk negara dan terus memutuskan untuk bersara .

5.4.2 Perasaan

Tahap atau bentuk perasaan yang dikaji semasa menjadi atlet elit menunjukkan bahawa responden memang telah berada dalam keadaan gembira. Ia adalah disebabkan oleh persekitaran latihan, kemudahan latihan, layanan daripada peminat sukan, perhatian daripada pihak media, layanan istimewa daripada rakan sebaya dan sebagainya. Seorang atlet elit daripadasukan tennis menyatakan dia sangat gembira apa bila dapat berpeluang pergi ke luar negara. Seorang atlet daripada sukan hoki pula menyatakan bahawa segala perhatian dan layanan yang diberikan oleh peminatnya memang menyeronokkan.

Kesedihan sudah pasti akan dialami apabila atlit elit membuat keputusan meninggalkan bidang sukan yang diceburinya sekian lama. Seperti yang dijangkakan kebanyakan atelut menyatakan rasa sedih mereka ketika membuat keputusan untuk bersara. Dapatan kajian yang menunjukkan 66.6% responden kajian telah merasa sangat sedih ketika bersara membuktikan kenyataan di atas.

Walau bagaimanapun segala kesedihan itu dapat diatasi dengan baik dengan mengimbas kembali pencapaian yang cemerlang dan detik-detik manis yang dialami sepanjang penglibatan mereka sebagai atelut elit. Pada ketika ditemuramah masih ada lagi responden yang berasa sedih tentang persaraan mereka. Di antara komen yang diberikan oleh mereka adalah seperti berikut:

" Keadaan huru hara dalam persatuan sukan menyebabkan saya berasa sedih. Persatuan sukan yang saya mewakilinya adalah satu persatuan sukan yang tertua di Malaysia tetapi sehingga sekarang pengurusannya masih tidak terurus".

(Atlet sukan olahraga)

" Saya rasa cukup sedih melihat prestasi pasukan kebangsaan sepak takraw di peringkat antarabangsa. Kalau keadaan ini berterusan satu hari nanti mungkin kita juga kalah pada negara-negara seperti Vietnam, Laos atau pun Filipina ".

(Atlet sukan sepak takraw)

Seorang atlet elit dari sukan hoki yang menyatakan komennya seperti berikut:

" Sehingga sekarang saya tidak dapat menahan kesedihan. Di peringkat kebangsaan saya telah dipilih sebagai pemain terbaik namun bagitu saya tidak disenaraikan dalam pasukan kebangsaan kerana saya telah menyoal jurulatih tentang teknik penjagaan gol. Sehingga sekarang setiap malam mimpi ngeri menghantui saya kerana gagal disenaraikan dalam pasukan kebangsaan. Saya digugurkan bukan atas dasar prestasi yang buruk, kecederaan yang serius atau pun masalah disiplin. Saya digugurkan semata-mata kerana mempersoalkan teknik latihan".

Seorang ahli bina badan yang pernah menjuarai kejuaraan peringkat Asia telah memberikan komennya seperti berikut:

"Saya sehingga sekarang tidak mendapat sebarang pekerjaan tetap. Adakalanya saya akan tertanya pada diri sendiri adakah segala pengorbanan saya dalam bidang sukan membawa sebarang faedah kepada diri saya ataupun keluarga saya sendiri".

Responden yang telah mencapai matlamat dalam sukan dan kehidupan didapati menyatakan bahawa mereka merasa sangat gembira. Pengalaman sukan yang masih segar dalam ingatan sering menjadi motivasi untuk berjuang dalam kehidupan. Seorang atlet daripada sukan silat olahraga menyatakan

bahawa beliau sangat gembira kerana telah mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkannya dalam sukan serta dalam kehidupan.

Terdapat responden yang berasa sedih kerana sebab-sebab tertentu. Di antaranya ialah keadaan keluarganya sendiri yang tidak terurus kerana sekian lama sibuk dengan latihan dan pertandingan, pengurusan persatuan sukannya, tidak ada kemajuan dalam sukan, tiada usaha daripada persatuan sukan negeri ataupun kebangsaan untuk menggunakan kepakaran mereka serta tiada sebarang usaha konkrit untuk membantu bekas atlet negara untuk membentuk hidup baru.

Pengalaman pahit ini mungkin juga menjadi satu faktor yang penting yang memperlihatkan satu senario di mana anak-anak bekas atlet elit kurang melibatkan diri dalam sukan. Satu kajian seharusnya dilakukan untuk menjelaskan serta mendapatkan data-data yang nyata mengenai fenomena tersebut. Pengalaman pahit ini juga mungkin merupakan satu faktor yang menyebabkan anak-anak bekas atlet elit kurang melibatkan diri dalam sukan. Satu kajian seharusnya dilakukan supaya kita dapat memastikan sejauh manakah seriusnya perkara tersebut.

5.4.3 Tahap Keyakinan Diri

Atlet elit sebagai seorang insan yang sentiasa menghadapi cabaran samada dalam latihan atau dalam pertandingan sudah pasti akan memiliki keyakinan yang tinggi terhadap kebolehannya sendiri. Walau bagaimanapun dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan sukan, mereka juga sudah pasti akan terfikir mengenai kehidupan mereka sendiri selepas bersara nanti. Tahap keyakinan diri semasa menjadi atlet, semasa mengumumkan keputusannya untuk bersara dan ketika ditemuramah satu perbezaan yang ketara.

Prestasi yang kurang cemerlang atau sentiasa menerima kekalahan adakalanya akan menjadikan atlet elit gusar tentang masa dapannya dalam sukan yang mereka ceburi. Selain daripada prestasi, masalah kewangan, pendidikan, kekecewaan dalam isu peribadi merupakan faktor-faktor yang sering menjejaskan keyakinan seseorang atlet elit. Walau bagaimanapun sikap tidak mudah mengalah yang telah sebatikan dalam diri, menyebabkan ramai responden berkeyakinan tinggi menghadapi kehidupan mereka semasa menjadi atlet, mahupun semasa persaraan. Komen-komen berikut daripada atlet elit jelas membuktikan kenyataan diatas:

" Selepas menamatkan pelajaran di sekolah menengah, saya telah mula berlatih sepenuh masa selama 3 tahun untuk sukan komanwel 1998. Selepas

sukan Komenwel saya terpaksa bersara kerana kecederaan yang serius. Saya terkejut dan tidak tahu apa yang perlu saya lakukan seterusnya".

Atlet elit yang menyatakan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi (41 %) semasa mengumumkan persaraan didapati bahawa telah merancang terlebih dahulu hala tuju hidup mereka selepas persaraan nanti. Oleh yang demikian, apabila mereka bersara didapati mereka cukup pasti dengan langkah-langkah seterusnya untuk meneruskan hidup mereka. Ia jelas menyokong pendapat yang dinyatakan oleh Orlick (1986). Kejayaan dalam sukan secara langsung juga sering menjadi salah satu faktor yang meningkatkan semangat jati diri seseorang atlet untuk mempercayai diri bahawa mereka dapat menentang sebarang rintangan hidup. Tambahana pula semangat tersebut juga meningkatkan keyakinan diri untuk menempuh kejayaan-kejayaan dalam kehidupan baru seperti perniagaan dan melanjutkan pelajaran.

5.4.4 Tahap Kepuasan

Dapatan kajian menunjukkan hanya 13.8 % subjek merasa tidak puas hati ketika menjadi atlet elit. (13.8%). Kebanyakan atlet elit (86.2%) melaporkan mereka sangat puas hati ketika menjadi atlet elit. Ini adalah kerana atlet dapat menikmati segala kemudahan, perhatian dan layanan yang istimewa. Namun begitu kepuasan sebatik yang dirasakan oleh atlet elit adalah ketika mencapai

kejayaan cemerlang atau mencapai sasaran pertandingan. Mereka merasakan kepuasan yang optima ketika matlamat impian mereka tercapai setelah menjalani latihan yang berat. Seorang atlet olahraga yang pernah ditabalkan sebagai ratu pecut negara memberi komennya seperti berikut:

" Apabila latihan yang keras mula memberi kejayaan, saya lupa segala keperitan yang dialami ketika berlatih. Kepuasan yang dirasakan ketika menamatkan perlumbaan sebagai pemenang tidak dapat saya nyatakan dalam perkataan".

(Atlet sukan Olahraga)

Kebanyakan responden yang telah mencapai matlamat melaporkan kepuasan yang tinggi ketika menjadi atlet elit ataupun ketika mengumumkan persaraan. Sebaliknya atlet yang melaporkan bahawa mereka tidak puas hati ketika menjadi atlet elit ataupun ketika bersara, adalah yang tidak mencapai matlamat dalam sukan mereka. Setelah beberapa tahun berlatih tetapi masih tidak mampu membuktikan kehebatan mereka dalam acara sukan yang mereka ceburi, maka rasa kebosanan mula menyelubungi atlet. Mereka terpaksa mengalah dan mengakui bahawa mereka tidak dapat maju lagi dalam sukan. Tanpa membuktikan potensi yang sebenar atau prestasi yang cemerlang atlet rasa tidak puas hati dan kecewa.

Orlick (1986) menyatakan bahawa perasaan kecewaan dan tidak puas hati kerana tidak dapat membuktikan kehandalan yang sebenar sedikit sebanyak dapat diatasi oleh atlet elit dengan membuktikan kejayaan dalam bidang lain selain daripada sukan. Segala kekecewaan dan rasa tidak puas hati dapat ditebus kembali apabila atlet menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran yang baru dalam kerjaya baru mereka. Kenyataan tersebut dibuktikan dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan hampir kesemua atlet elit telah menyatakan mereka sudah pun tebus kembali kekecewaan yang dialami dalam sukan dengan kejayaan yang dicapai dalam bidang penglibatan mereka pada ketika di temuramah. Cabaran baru dalam kerjaya juga telah memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan potensi diri yang sebenar.

5.4.5 Tahap Kebebasan

Kesemua atlet elit yang telah bersara melaporkan bahawa kehidupan mereka pada ketika ini agak bebas berbanding dengan kehidupan mereka sebagai atlet elit. Ketika menjadi atlet elit, mereka terpaksa menepati jadual latihan yang ketat, terpaksa menepati pengambilan makanan, penjagaan berat badan serta pergaulan yang terbatas. Segala tindakan mereka adalah berpandukan jadual harian, jadual latihan dan jadual pertandingan. Lebih daripada 29 % responden menyatakan kehidupan mereka tidak bebas atau terkongkong oleh jadual yang ketat dan sentiasa diawasi oleh jurulatih, pegawai dan juga ibu bapa. Atlet juga

sedar ianya adalah sebahagian daripada pergorbanan yang mereka terpaksa lakukan dalam usaha mengejar kecemerlangan dalam bidang sukan. Sehubungan dengan ini, Responden daripada sukan gimnastik artistik memberikan komennya seperti berikut:

" Saya sentiasa perlu menjaga berat badan. Ada kalanya saya tidak dapat mengawal nafsu dan makan tanpa pengetahuan jurulatih atau ibu bapa. Setelah makan dengan sepuasnya, saya akan muntah keluar apa yang saya makan tadi".

(Atlet sukan Gimnastik Artistik)

Seorang responden daripada sukan bola keranjang menyatakan keadaannya biasa kecuali bila ada latihan pusat. Di mana pergerakan mereka memang dikawal rapi. Segala-galanya adalah berdasarkan jadual yang telah ditetapkan. Sebarang masalah disiplin akan membawa penyingkiran mereka daripada latihan pusat.

Walau bagaimanapun mengikut atlet elit, ianya adalah sesuatu senario yang biasa dalam apa jua latihan pusat tidak kira jenis sukan. Mereka juga percaya bahawa ianya telah membantu mereka untuk membentuk satu kehidupan yang berdisiplin semasa mereka mewakili negara mahupun selepas bersara.

Atlet dari sukan gimnastik, Taek kwan-Do, Karate-Do, Tinju dan renang adalah antara kumpulan atlet yang telah melaporkan bahawa hidup mereka sangat terkongkong dengan peraturan dan latihan sukan masing-masing. Mereka juga melaporkan diri mereka pada ketika ditemuramah sangat bebas.

Perkara yang menjadi perhatian utama disini ialah tidak kira apa jua jenis sukan, atlet sudah semestinya amat memerlukan tahap disiplin diri serta pengawalan diri yang amat tinggi. Di mana atlet-atlet terlibat perlu memberi penumpuan yang serius kepada isu berkaitan fizikal, psikologi, pengurusan kecederaan, pengurusan masa, pemakanan termasuk pengawalan berat badan, kalori harian, pengambilan makanan tambahan dan sebagainya.

Ianya perlu diikuti dan diawasi sentiasa samada semasa latihan, sebelum pertandingan dan semasa pertandingan. Tidak hairanlah apabila atlet elit yang bersara daripada sukan berkenaan yang melaporkan bahawa mereka sangat bebas apabila mengumumkan persaraan mereka. Ini adalah kerana mereka tidak lagi terikat atau terkongkong dengan perkara-perkara yang dinayatkan di atas serta rutin latihan yang amat ketat.

5.5 Tahap Kesukaran Hidup (Degree of Difficulty) Ketika Menyesuaikan Diri Dengan Masyarakat Sebagai Orang Biasa.

Atlet elit yang melibatkan diri dalam acara sukan individu atau pasukan sekiranya berjaya dari segi prestasi diperingkat antarabangsa sudah semestinya akan mendapat pujian serta perhatian daripada peminat sukan. Selain daripada prestasi cemerlang kepopularan sukan itu sendiri di kalangan rakyat juga menjadi satu faktor yang menyebabkan atlet-atlet terlibat disanjung dan diberi layanan bintang sekiranya mereka beraksi cemerlang.

Sebagai contoh pasukan bola sepak kebangsaan, walaupun pencapaian mereka tidak memberangsangkan diperingkat Asian, namun pemain-pemain negara dikenali dan menjadi sebutan ramai. Ia adalah kerana sukan tersebut mendapat liputan yang meluas daripada media cetak dan letronik. Ke mana saja atlet ini berada mereka mudah dikenali dan ada kalanya dikerumuni oleh peminat sukan untuk mendapatkan tanda tangan ataupun mengambil foto bersama mereka.

Tokoh-tokoh politik juga ada kalanya mengambil kesempatan daripada kepopularan atlet berkenaan untuk mengaitkan diri mereka dalam sukan. Keadaan ini turut meningkatkan imej seseorang atlet elit di kalangan masyarakat. Didapati gaya hidup mereka juga sedikit sebanyak berbeza daripada

individu-individu yang tidak glamour seperti mereka. Pergaulan dan pergerakan mereka sentiasa menjadi perhatian orang biasa atau pun pihak media.

Satu persoalan yang menarik dan ingin kita ketahui jawapannya adalah apakah keadaan glamour ini menyukarkan atlet elit yang telah bersara menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa. Orlick (1984) menyatakan bahawa atlet elit akan menghadapi sedikit sebanyak kesukaran dan masalah untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat apabila bersara. Walau bagaimanapun tahap kesukaran adalah berbeza-beza berdasarkan kepopulran, tahap kecemerlangan, status atlet itu sendiri samada statusnya professional atau amatur, persediaan diri untuk persaraan, sokongan dari keluarga dan rakan sebaya serta persatuan sukan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 72.5 % atlet elit negara kita yang telah bersara melaporkan tidak mengalami sebarang kesukaran dan masalah untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat. Ianya adalah kerana status sukan negara kita masih di peringkat amaturisma; bukannya profesionalisma. Mereka juga tidak dilayan seperti bintang pujaan walaupun ada kalanya dikenali oleh peminat sukan tertentu.

Satu lagi sebabnya adalah tahap pencapaian atlet di peringkat antarabangsa tidak begitu menyerlah kecuali dalam sukan badminton

bowling dan skuasy. Namun begitu 37.2% responden telah menyatakan bahawa mereka telah menghadapi masalah semasa menyesuaikan diri dengan masyarakat selepas persaraan. Sebab utama yang dinyatakan oleh kebanyakan atlet berkenaan adalah, mereka tidak dapat banyak peluang bergaul dengan masyarakat biasa kerana sekian lama telah menghabiskan masa mereka dalam latihan dan pertandingan sahaja. Apa yang mereka tahu adalah latihan dan pertandingan sahaja. Masa untuk sosialisasi tidak diutamakan.

Implikasinya adalah apabila atlet bersara dan mula bercampur gaul dengan masyarakat biasa didapati timbul rasa malu untuk menegur orang di tempat kerja ataupun ditempat awam. Adakalanya mereka terpaksa memberitahu sebab-sebab persaraan beberapa kali dalam setiap hari apabila berhadapan dengan orang baru yang mengenali mereka. Adakalanya mereka terpaksa menyorok diri atau mengelak diri untuk menemui orang, kerana takut akan menanyakan perkara yang sama.

Masalah ini didapati lebih ketara dikalangan atlet yang bersara kerana masalah disiplin, kekalahan yang teruk, masalah rasuah, kecederaan yang serius dan masalah peribadi seperti perceraian dan kewangan. Keadaan seperti ini pastinya akan memberi tekanan dan rasa tidak selesa. Adakalanya ia juga menguris kembali luka lama dalam hati mereka.

Seorang bekas pemain, bola sepak negara yang pernah digantung kerana terlibat dalam isu 'rasuah' memberikan komennya seperti berikut:

"Saya mengakui apa yang saya pernah lakukan adalah satu kesalahan. Tetapi saya telah dihukum oleh persatuan induk. Mengapa saya masih dihukum lagi oleh peminat dengan pertanyaan-pertanyaan yang menyakitkan hati ? "

Seorang bekas pemain hoki memberikan komennya seperti berikut:

" Saya kecewa kerana terpaksa bersara akibat tidak puas dengan tindakan persatuan. Saya ingin lupakan semua perkara tersebut. Tetapi kawan-kawan saya sering akan mengganggu dengan pertanyaan mengenai isu berkenaan. Sering kali saya terpaksa mengelak daripada kawan-kawan".

Apabila atlet bersara dengan rasa puas hati dengan pencapaiannya, maka proses transisi berkenaan sememangnya berjalan dengan lancar tanpa sebarang kesulitan atau pun dengan masalah yang paling minima. Walaupun timbul kesukaran, tekanan dari rasa kurang selesa, sebahagian besar responden (90.2%) menyatakan bahawa mereka masih dapat mengawal keadaan serta tidak sekali-kali memikirkan melibatkan diri mereka dengan perkara yang tidak diingini seperti meminum arak, perjudian atau rasuah. Keadaan ini sekali lagi adalah disebabkan kehidupan yang berdisiplin tinggi ketika mereka

menjadi atlet serta masih menganggap dirinya sebahagian dari masyarakat. Kesedaran bahawa kehidupan perlu diteruskan tanpa sukan yang telah wujud di minda atlet elit telah pun memudahkan proses transisi berkenaan.

Menurut Coakley (1998), masalah tetap akan dihadapi oleh atlet elit yang bersara. Terutama atlet elit yang setelah melibatkan diri dalam bidang sukan untuk satu jangka waktu yang panjang, akan pastinya terasa sunyi apabila meninggalkan bidang sukan.

Responden memang merasa lega untuk seketika kerana merasakan dirinya kini tidak terikat dengan jadual latihan dan disiplin yang ketat. Namun begitu setelah beberapa bulan, responden (67.7%) menyatakan rasa kesunyian tetap menjelma. Mereka memang terasa kehilangan suasana yang sentiasa mencabar, kawan seperjuangan dan perhatian dari peminat sukan. Seorang bekas atlet elit dari sukan bola sepak memberikan komennya seperti berikut:

"Saya terasa kehilangan suasana yang cukup gemilang terutamanya berhadapan dengan puluhan ribu penonton dalam stadium. Sorakan penonton ketika kejohanan-kejohanan besar, kemesraan rakan seperjuangan semasa latihan, dan publisiti dari pihak media, kini tidak ada lagi. Memang saya rasa kehilangan serta terasa kesunyian tanpa perkara-perkara tersebut. Tetapi saya sedar selepas beberapa bulan bahawa itu bukanlah segala-

galanya. Saya juga tahu ianya hanyalah suatu suasana yang akan bertahan untuk sementara waktu sahaja".

(Atlet sukan Bola Sepak)

Seorang responden dari sukan gimnastik pula menyatakan bahawa beliau memang telah berasa sunyi seperti kawan-kawannya yang telah bersara. Walau bagaimanapun menurutnya tumpuan kini adalah terhadap pendidikanya.

Seorang responden dari sukan Karate-Do yang kini sedang bekerja disalah sebuah kelab malam di Kuala Lumpur sebagai "bouncer", menyatakan kesunyian menyebabkan beliau menghabiskan banyak masa di kelab malam, minum bersama kawan-kawan baru. Setelah beliau dikenali oleh tuan punya kelab malam beliau ditawarkan kerja dengan gaji lumayan di kelab malam tersebut.

Seorang lagi responden dari sukan bola sepak yang terpaksa bersara kerana disabitkan dengan kes rasuah mengakui telah menjadi kaki botol kerana ingin menghilangkan rasa kekecewaan dan kesunyian.

Sebahagian besar atlet elit akan merasai kesunyian setelah bersara sebagai atlet elit. Masa-masa perantaraan iaitu semenjak mereka bersara sehingga mendapat satu kerjaya adalah amat penting. Dalam masa

perantaraan ini sekiranya atlet mengalami proses transisi yang sukar atlet lebih cenderung melakukan perkara-perkara yang berunsur negatif seperti terjerumus dengan arak, merokok dan perjudian.

5.6 Kejayaan Hidup Kerana Melibatkan Diri Dalam Sukan

Coakley (1998) menyatakan bahawa sukan akan memberi pengajaran yang bernilai dalam hidup seseorang atlet. Ia membina sikap dan nilai positif seperti gaya hidup yang sihat, penyelesaian masalah, berdikari, kesabaran dan toleransi, berani mencuba serta tidak mengalah mudah.

Kejayaan hidup kerana melibatkan diri dalam sukan bukannya diukur dari pendapatan dan ganjaran dari segi kebendaan yang diterima. Nilai-nilai moral yang murni, yang membantu dalam mengharmonikan hidup harus diberi keutamaan untuk mengukur kejayaan hidup seseorang atlet elit yang telah bersara.

Seramai 64.7% daripada jumlah responden menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam sukan telah memberi kejayaan dalam kehidupan mereka. Salah seorang daripada atlet Badminton yang telah bersara menyatakan komennya seperti berikut:

;

"Selepas bersara saya lebih berdikari menghargai masa dan dapat membuat keputusan sendiri. Ia juga telah memberi pendapatan yang lumayan hasil dari wang hadiah kemenangan serta ganjaran lumayan daripada persatuan sukan".

Seorang apabila ahli gimnastik yang telah bersara menyatakan bahawa kejayaan dalam bidang sukan telah memberi pengiktirafan kepada dirinya. Disebabkan itu juga beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di universiti.

Walau bagaimanapun 13.7% daripada responden menyatakan sukan tidak membantu menjayakan hidup mereka dan ia perlulah diberi perhatian yang serius. Kebanyakan responden yang berkenaan yang menyatakan demikian adalah responden yang bersara dengan rasa tidak puas hati dan kecewa disebabkan oleh faktor seperti penindasan pegawai dari persatuan sukan, masalah kewangan yang serius, tidak ada pengiktirafan dari majikan serta kecederaan yang berpanjangan. Mereka menganggap jumlah masa dan tenaga yang diluangkan dalam latihan dan pertandingan langsung tidak membantu membina hidup yang berjaya.

Seorang Responden dari sukan bina badan yang pernah menjadi juara Asia yang kini bekerja di sebuah pasar di Sarawak, menyatakan

bahawa sumbanganya terhadap negara tidak langsung dihargai oleh pihak yang berkenaan. Mereka sanggup biarkan saya merana walaupun saya telah mengibarkan bendera Malaysia di pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Seorang responden dari sukan tinju menyatakan bahawa belian rasa kesal kerana tidak menyediakan diri untuk menghadapi cabaran baru selepas bersara. Setelah bersara responden berkenaan tidak mendapat pekerjaan tetap. Pendidikan beliau yang setakat SPM gred 3 tidak banyak memberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan lain. Pihak persatuan juga tidak banyak membantu.

Atlet yang dapat mempertingkatkan pencapaian akademik biasanya mendapat kerjaya yang lebih baik dari atlet yang tidak memiliki kelulusan akademik yang memuaskan seperti kelulusan SPM , STPM, Diploma dan sebagainya. Namun begitu atlet yang sangat berjaya dalam sukan tetapi tidak mempunyai kelulusan akademik, telah mempergunakan kenalan mereka termasuk tokoh-tokoh politik dan ahli-ahli korporat untuk mendapatkan kerjaya yang baik. Terdapat juga tokoh-tokoh politik serta ahli korporat yang gemar mengaitkan diri dengan atlet-atlet berkenaan untuk mendapatkan publisiti. Ia juga secara tidak langsung membuka

peluang kepada atlet elit yang terlibat untuk mendapatkan kerjaya dan peluang perniagaan yang baik.

5.7 Penglibatan Dalam Sukan

Setelah tamatnya penglibatan dalam sukan sebagai seorang atlet elit, ramai yang menghilangkan diri daripada senario sukan sama sekali. Tidak semua atlet elit yang bersara melibatkan diri dalam sukan. Hasil kajian jelas menunjukkan ia juga berkait rapat dengan faktor yang menyebabkan mereka bersara sebagai atlet elit. Pengalaman pahit biasanya akan menimbulkan rasa kurang senang di kalangan atlet-atlet berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan 13.7% responden tidak melibatkan diri langsung dengan sukan setelah bersara. Penglibatan mereka hanya setakat untuk menjaga kesihatan diri sahaja atau pun sebagai salah satu aktiviti rekreasi masa lapang.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengalaman dan pengetahuan yang mereka perolehi hasil daripada penglibatan mereka dalam sukan amat berguna untuk sukan tanah air. Sekiranya mereka dapat menyumbangkan tenaga dan pengalaman mereka dalam bidang kepegawaian, kejuruteraan dan pengurusan persatuan, sudah pasti mutu sukan negara akan maju. Namun begitu hanya sejumlah 23.5 % daripada mereka jadi jurulatih. Dalam

kepegaiwaan pula hanya 3.9 % daripada mereka melibatkan diri sebagai pegawai. Tidak ramai juga yang melibatkan diri dengan pengurusan persatuan sukan masing-masing (3.9 %). Nampaknya kepakaran dalam sukan yang mereka perolehi juga disia-siakan kerana hanya didapati 3.9 % atlet elit yang menjadi pakar rujuk dalam bidang sukan.

Keadaan di atas jelas menunjukkan terdapat banyak perkara yang perlu diperbetulkan. Atlet elit yang selama ini mencurahkan bakti kepada tanah air tidak patut dibiarkan lenyap begitu sahaja. Kenyataan yang jelas kelihatan adalah persatuan-persatuan sukan gagal merancang untuk mengguna kembali khidmat bekas atlet elit yang kaya dengan pengetahuan dan pengalaman. Ini adalah kerana apa bila atlet elit ditanya keinginan mereka untuk melibatkan diri dalam sukan dimasa-masa akan datang, data terkumpul jelas menunjukkan kesanggupan mereka untuk memperbetulkan senario sukan negara yang berada dalam keadaan menduka citakan.

Walau pun data menunjukkan 13.7 % daripada atlet elit yang ditemuramah menyatakan ketidak sanggupan mereka melibatkan diri dengan sukan, namun begitu didapati 37.3 % atlet menyuarakan keinginan mereka untuk menjadi jurulatih. Seorang atlet yang cemerlang dalam sukan Olahraga memberikan komenya seperti berikut:

4
:
i

" Pengalaman dan pengetahuan yang ada pada saya ingin saya curahkan kepada atlet muda. Setelah berjaya sebagai atlet, teringin juga saya untuk menjadi seorang jurulatih yang berjaya. Saya hairan mengapa persatuan sukan gagal mendidik kami dalam bidang kejurulatihan. Apa yang mereka lakukan selama ini hanyalah melatih kami untuk pertandingan. Mereka seharusnya melatih atlet elit yang bersara menjadi jurulatih; bukannya mengimport jurulatih asing".

(Atlet sukan Olahraga)

Seorang atlet dari sukan bola sepak pula menyatakan bahawa pihak pengurusan di peringkat paling tinggi menganggap dengan memberi pampasan dan ganjaran, tugas mereka selesai setakat di situ sahaja. Menurutny persatuan seharusnya membuka peluang kepada atlet elit untuk menyumbangkan tenaga mereka dalam kejurulatihan, kepegawaian serta pengurusan dalam persatuan. Pihak persatuan seharusnya menyediakan atlet untuk hari-hari persaraanya dengan menunjuk ajar cara-cara atlet elit dapat menyumbangkan tenaga.

5.8 Cadangan

Sukan di negara kita sedang menghadapi satu cabaran hebat dalam alaf baru ini. Pihak yang bertanggung jawab dalam sukan tidak boleh berdiam diri dengan hanya melihat sandiwara dan karena yang

dipertunjukkan oleh persatuan-persatuan yang tidak bertanggung jawab serta tidak berinovatif.

Agen sukan yang menjadi autoriti dalam sukan seperti Kementerian Belia Dan Sukan dan Majlis Sukan Negara seharusnya memeperluaskan skop mereka dalam sukan. Sudah semestinya tumpuan kita adalah kepada atlet yang sedang mewakili negara dan atlet muda yang bakal mewakili negara. Tetapi bekas atlet negara juga harus menjadi salah satu agenda dalam perbincangan dan perancangan sukan negara di masa-masa akan datang.

Sebagai langkah pertama setiap persatuan sukan kebangsaan perlu mewujudkan satu *Biro Bantuan Atlet Elit*. Biro tersebut seharusnya mempunyai maklumat terperinci tentang setiap atlet elit yang sedang aktif bertanding serta yang telah bersara. Dengan adanya maklumat terkini, biro berkenaan dapat menghubungi atlet elit yang telah bersara untuk mendapatkan pandangan, bantuan dan pengetahuan mengenai pembangunan sukan negara.

Satu program khas ia itu *Program Persediaan Persaraan Atelet Elit* harus di perkenalkan. Dengan adanya program tersebut pihak-pihak tertentu dalam sukan dapat merangka program untuk membantu atlet elit negara

yang akan bersara tidak lama lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa ada segelintir persatuan yang sedang mengimplimentasikan *program insentif* kepada atlet elit yang telah bersara. Contohnya seperti Persatuan Hoki Malaysia (MHF) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Kedua-dua persatuan sukan ini menyediakan insentif dalam bentuk wang berdasarkan jumlah perlawanan yang mereka bermain untuk negara.

Atlet elit seharusnya diperkenalkan kepada Program Persediaan Persaraan supaya kebajikan mereka terjamin. Program berkenaan seharusnya menyediakan atlet untuk menghadapi kehidupan yang serba baru; kemungkinan tidak berkaitan dengan sukan lagi. Ia seharusnya membantu atlet elit untuk meneruskan kehidupan mereka tanpa sebarang masalah apabila mereka mula bercampur dengan masyarakat biasa.

Seminar-seminar yang berkaitan dengan perkembangan diri harus diberikan kepada mereka. Sebagai contoh seminar tentang kemahiran komunikasi. Selama ini atlet hanya menghabiskan masa dengan latihan dan pertandingan. Jarang sekali mereka dapat bergaul mesra dengan masyarakat biasa. Sering sekali atlet elit ini di label sebagai orang sombong, tidak berbudi pekerti, tidak menghormati orang tua dan sebagainya. Dengan adanya seminar sebegini maka mereka dapat mengetahui selok-belok berkomunikasi dengan masyarakat tanpa sebarang masalah.

Atlet elit juga harus didedahkan kepada peluang-peluang pekerjaan yang sedia wujud supaya apabila mereka bersara nanti, mudah mendapat pekerjaan pilihan mereka tanpa banyak masalah. Seminar-seminar kerjaya harus diadakan supaya atlet elit tahu apa yang perlu dibuat untuk memulakan kerjaya yang baru selepas bersara nanti.

Satu dana sukan juga harus wujudkan untuk atlet elit yang akan bersara. Dengan adanya dana tersebut, mudah untuk atlet elit mendapatkan modal sekiranya mereka ingin menceburi alam perniagaan. Ramai atlet ingin menceburi dalam alam perniagaan kerana dengan adanya ramai kenalan mereka percaya bahawa dapat berjaya dalam bidang tersebut. Namun begitu mereka tidak dapat berbuat demikian kerana kekurangan modal.

Dana berkenaan juga boleh digunakan untuk membantu atlet elit yang telah bersara untuk melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi. Ramai atlet ingin melanjutkan pelajaran di universiti tempatan atau pun di luar negara dalam bidang yang berkaitan dengan sukan seperti psikologi sukan, kejurulatihan, pengurusan sukan, fisiologi sukan, perubatan sukan, pemakanan sukan, pengurusan acara, pengurusan infrastruktur sukan, kewartawanan sukan, IT sukan dan sebagainya. Persatuan sukan atau agensi

sukan seharusnya mendedahkan perkara berkenaan kepada atlet supaya mereka dapat mengorak langkah untuk maju dalam kehidupan mereka.

Jarang sekali kita lihat persatuan mengadakan pertemuan atlet elit setelah mereka bersara. Setakat ini hanyalah Majlis Olimpik Malaysia telah mewujudkan Alumni 'Olympians' untuk atlet elit yang pernah beraksi untuk Malaysia Di Sukan Olimpik. Setiap persatuan seharusnya mewujudkan *alumni* supaya dapat membuka peluang kepada atlet elit bersua kembali sekurang-kurangnya setahun sekali. Ini dapat memberi atlet mengeratkan lagi hubungan silatulahim di antara mereka.

Negara kita memang terkenal dalam penganjuran sukan antarabangsa. Anihnya setiap kali pertandingan antarabangsa diadakan di Malaysia, tidak banyak persatuan sukan yang ingin mengundang atlet elit yang telah bersara sebagai tetamu undangan mereka atau pun mengundang mereka untuk menyampaikan hadiah-hadiah pemenang. Lebih malang lagi apabila atlet elit terpaksa berdiri di barisan penonton untuk membeli tiket.

Keadaan seperti itu jelas membuktikan sikap persatuan yang tidak mengenang budi atau seperti kacang lupakan kulit. Sekurang-kurangnya persatuan atau agensi sukan dapat menghulurkan tiket percuma kepada mereka sebagai mengenang bakti mereka terhadap negara.

Persatuan-persatuan sukan juga harus menghentikan politik sukan dan mula perhatian terhadap pembangunan sukan negara. Sikap mementingkan diri harus diketepikan demi kecemerlangan sukan negara. Ahli-ahli jawatan kuasa persatuan semestinya terdiri daripada individu yang tahu tentang sukan. Kebanyakan masalah persatuan ditimbulkan oleh individu yang kurang arif tentang sukan tertentu. Ramai di antara mereka menjadi ahli jawatan kuasa kerana ingin mendapatkan publisiti murahan. Ada individu dijadikan sebagai bidan terjun semata-mata menjaga kepentingan orang lain dalam persatuan. Keadaan ini jelas akan melumpuhkan usaha kerajaan untuk menjadikan negara kita unggul kembali dalam bidang sukan.

Justeru itu pihak yang mempunyai kuasa seperti Kementerian Belia dan Sukan seharusnya menyeru persatuan sukan tanah air supaya menggubal perlembagaan sukan yang lama supaya membuka peluang kepada atlet elit yang berpengalaman serta arif tentang sukan memegang jawatan penting dalam persatuan. Dengan membuka peluang sebegini, atlet elit dapat mencurahkan segala pengalaman serta pengetahuan untuk menerajui persatuan-persatuan sukan yang berada dalam keadaan tenat.

5.9 Penutup

Setiap individu mempunyai sebab-sebab yang tertentu untuk menceburkan diri dalam bidang sukan. Atlet negara telah memberikan satu

penjelasan yang nyata mengenai faktor-faktor utama atlet elit melibatkan diri dalam sukan. Ia juga telah memberikan penjelasan sama ada faktor-faktor tersebut telah memainkan peranan dalam persaraan mereka dalam bidang sukan.

Golongan atlet sering dilabelkan sebagai individu yang mempunyai ego yang melampau. Mereka juga sering dikecam kerana tidak pedulikan petrotisme sebaliknya lebih mengutamakan ganjaran. Namun begitu dapatan kajian telah menjelaskan bahawa bukan semua atlet bertanding semata-mata untuk mendapatkan ganjaran lumayan berbentuk wang, pangkat dan sebagainya. Antara mereka ada yang lebih mengutamakan kepuasan diri, matlamat intrinsik serta semangat petrotisme. Ada diantara atlet semata-mata menceburkan diri untuk mendapatkan kemewahan hidup.

Harus diingati bahawa ada di antara atlet-atlet yang berkenaan ingin menjadi atlet profesional. Hadiah wang kemenangan itulah yang akan digunakan oleh mereka untuk menyara diri dan keluarga. Tidak adil kita menyalahkan mereka sekiranya mengutamakan ganjaran. Kita juga tidak seharusnya menuduh dengan mengatakan mereka tidak mempunyai semangat memperjuangkan negara dalam bidang sukan kerana mereka bertanding untuk mendapatkan wang.

Kita seharusnya faham konsep atlet profesional dan amatir. Walau bagaimanapun sekiranya atlet itu bertaraf profesional, ia tidak bermakna mereka tidak perlu menunjukkan petrotisme lagi. Semangat petrotisme juga berbentuk intrinsik. Ianya lahir dalam jiwa seseorang; ia tidak boleh dipaksa.

Atlet elit negara juga dianggap sebagai manusia yang mempunyai kekuatan dan kebolehan yang luar biasa daripada individu yang tidak melibatkan diri dalam sukan. Pada hakikatnya mereka juga adalah insan yang biasa seperti orang lain. Pengorbanan mereka tidak boleh diperjelaskan dalam perkataan. Tenaga, masa dan wang ringgit yang mereka laborkan dalam latihan adalah semata-mata untuk mengibarkan bendera Malaysia di pesada dunia.

Namun begitu tidak selalu atlet mencapai kemenangan yang diinginkan. Tidak juga semua atlet dilayan serupa. Ia sering bergantung pada kepopularan serta tahap pencapaian. Walau apa pun mereka tetap dianggap sebagai wira-wira Malaysia. Namun begitu pada kebiasaanya walaupun seseorang atlet itu telah bertanding di tahap yang tinggi seperti di Sukan Olimpik atau di Piala Dunia, sekiranya atlet berkenaan gagal mempamerkan prestasi yang baik berbanding atlet negara lain, kebiasaanya mereka akan dikecam oleh pelbagai pihak.

Tuduh menuduh adalah satu senario yang biasa kita dapat saksikan dinegara kita apabila seseorang atlet atau pasukan gagal dalam pertandingan bertaraf dunia. Jarang sekali dapat kita saksikan kata-kata semangat diberikan kepada atlet atau pasukan tersebut.

Ahkiibat ini ramai atlet merasakan pengorbanan dan usaha mereka tidak langsung dihormati oleh pihak yang terbabit. Keadaan tidak puas hati ini sering menyebabkan atlet elit negara yang seharusnya berfikir tentang persediaan untuk Sukan Olimpik atau Piala Dunia yang akan datang, sebaliknya membuat keputusan untuk bersara.

Harus difaham bahawa persaraan atlet bukan semata-mata disebabkan oleh kegagalan atlet itu sendiri atau masalah peribadi atlet tetapi juga atas sebab kegagalan pihak-pihak yang berkait memainkan peranan yang sepatutnya terhadap kemajuan sukan atlet-atlet yang terbabit.

Adalah menjadi tanggung jawab setiap pihak memajukan sukan tanah air, untuk merangka program yang sistematik supaya dapat menggunakan kembali kepakaran bekas atlet negara. Dengan adanya program-program yang seperti itu sekurang-kurangnya pihak agensi Osukan yang bertanggung jawab dapat berpeluang untuk membalas budi atlet elit negara yang telah bersara.

✓ Sekiranya agensi-agensi sukan semak semula atau merangka program-program yang sesuai, sudah pasti kita dapat melihat ramai atlet-atlet muda akan mula menceburkan diri dalam sukan tanpa mempunyai sebarang keraguan tentang masa depan mereka. Ini akan membolehkan mereka mempamerkan prestasi yang cemerlang di peringkat kebangsaan hinggalah ke peringkat antarabangsa.

✓ Sekiranya program persaraan dapat diimplimentasikan dengan berkesan, kita juga dapat melihat bakat, pengalaman, pengetahuan dan kemahiran atlet yang telah bersara dapat digunakan semula. Ini akan membuka peluang kepada mereka untuk melahirkan atlet-atlet baru, mengurus persatuan-persatuan sukan secara lebih profesional.

✓ Program tersebut juga akan membantu atlet elit bersedia lebih awal untuk persaraan tanpa menjejaskan prestasi semasa mereka. Setelah bersara nanti proses transisi akan berlaku dengan lebih licin tanpa sebarang masalah atau dengan masalah yang paling minima.

✓ Kecemerlangan sukan negara dapat dikembalikan sekiranya semua pihak yang terbabit bekerjasama antara satu sama lain. Pengurusan sukan di peringkat persatuan daerah, negeri dan negara perlu memberi laluan untuk menerima era profesionalisme dalam pengurusan. Orang yang

menguruskanya harus berpengatahuan dalam sukan masing-masing. Atlet yang telah bersara harus diberi peluang untuk mengambil alih pengurusan persatuan setelah didedahkan dengan kursus-kursus yang berkaitan.

／ Harus difaham bahawa pembangunan sukan bukan setakat melahirkan atlet baru serta melatih atlet ke peringkat yang tinggi. Ia juga merangkumi persediaan persaraan atlet elit. Pengorbanan mereka harus diberi sanjungan, dan pengikhtirafan yang setimpal. Kehidupan serta kebajikan mereka selepas bersara dari sukan harus diberi perhatian serius oleh agensi-agensi sukan yang terlibat serta menjadi teladan kepada atlet muda yang lain.